

KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA

**PHARMANIAGA DAN BIONET TANDATANGAN PERJANJIAN
KOLABORASI PENYELIDIKAN BAGI VAKSIN HEXAVALENT
KANAK-KANAK**

KUALA LUMPUR, 13 DISEMBER 2022 – Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd (PLS), anak syarikat milik penuh syarikat farmaseutikal terbesar di Malaysia, Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga), tandatangani perjanjian kerjasama penyelidikan (RCA) dengan BioNet-Asia Co. Ltd (BioNet) yang berpangkalan di Thailand untuk pembangunan vaksin kombinasi 6 dalam 1 (Vaksin Hexavalent) bagi kanak-kanak di Malaysia, pada hari ini.

Inisiatif itu adalah selaras dengan perancangan Pharmaniaga untuk membangunkan kilang vaksin dan Halal di dunia yang akan turut membantu Malaysia mengurangkan kebergantungan kepada vaksin penting yang diimport. Pengeluaran tempatan juga akan meningkatkan jaminan bekalan ubat-ubatan negara.

RCA itu ditandatangani oleh Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Datuk Zulkarnain Md Eusope dan Presiden BioNet, Vitoon Vonghangool; sambil disaksikan oleh Pengerusi Pharmaniaga Datuk Seri Zainal Abidin Mohd Rafique dan Ketua Pegawai Eksekutif BioNet, Dr Hong Thai Pham.

Datuk Zulkarnain berkata, "RCA ini adalah usaha untuk memulakan proses pembangunan Vaksin Hexavalent gabungan 6 dalam 1 untuk kanak-kanak di Malaysia, di mana Pharmaniaga dan BioNet akan membangunkan formulasi dan dijadualkan siap pada akhir tahun 2023.

"Pharmaniaga akan menjalankan ujian pra-klinikal dan klinikal secara meluas untuk menunjukkan tindak balas imun pelindung Vaksin Hexavalent terhadap enam jenis penyakit - difteria (DT), tetanus (TT), pertusis (aP), poliomieltitis (IPV), Haemophilus jenis b (Hib), dan hepatitis B (Hep-B).

"Ia akan menjadi vaksin gabungan patuh Halal pertama yang dihasilkan di Malaysia. Sebaik sahaja siap menghasilkan Vaksin Hexavalent formulasi, Syarikat akan berganding bahu dengan pengusaha-pengusaha vaksin di peringkat antarabangsa bagi mempercepatkan program kami agar dapat memenuhi permintaan untuk vaksin yang berkualiti tinggi, selamat dan berkesan ini," katanya.

Datuk Zulkarnain berkata Vaksin Hexavalent ini dijangka siap pembangunannya dan mendapat kelulusan menjelang 2026, untuk digunakan di Malaysia dan negara-negara

strategik lain dengan unjuran nilai pasaran tempatan tahunan melebihi RM200 juta dan pasaran serantau tahunan dianggarkan berjumlah RM600 hingga RM700 juta.

Vitoon berkata, "Kami bangga Pharmaniaga memilih BioNet sebagai rakan kongsi untuk membangunkan Vaksin Hexavalent yang mengandungi vaksin pertusis rekombinan. Tahap keselamatan dan tindak balas imun yang lebih tinggi telah ditunjukkan dalam banyak ujian klinikal vaksin jenis ini. Vaksin 6 dalam 1 ini akan menjadi produk pelopor dan solusi kepada isu-isu yang dikaitkan dengan vaksin gabungan pediatrik pertusis aselular yang dipasarkan pada masa kini."

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rantai perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

MENGENAI BIONET-ASIA CO., LTD

BioNet adalah kumpulan bioteknologi yang berkongsi kepakaran dan inovasinya untuk penghasilan vaksin. Beroperasi di Perancis dan Thailand, Bionet mencipta vaksin kejuruteraan genetik dan menghasilkan Pertagen®, satu -satunya vaksin pertussis rekombinan di dunia yang mengandungi toksin pertussis yang tidak aktif secara genetik. BioNet juga telah menubuhkan platform teknologi untuk menghasilkan vaksin DNA dan mRNA dengan 10 projek dalam kajian pra-klinikal dan klinikal. BioNet memajukan penyelidikan global dengan bekerjasama dengan saintis dan organisasi yang terkenal di dunia (termasuk Yayasan Bill & Melinda Gates, Path, Institut Pasteur, CEPI, dan Institut Vaksin Antarabangsa). BioNet juga telah membuat bekerjasama dengan beberapa pengeluar vaksin yang melibatkan penggunaan 10 bilion dos vaksin polio sejak 20 tahun yang lalu. BioNet telah menyumbang kepada pembangunan bio-cluster untuk penilaian vaksin dan pengeluaran di India, Afrika, dan Australia. Untuk maklumat lanjut, sila layari kami di www.bionet-asia.com dan www.bionet.one.



Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Najmuddin Abdullah di talian 019-3387777, emel najmuddin@pharmaniaga.com atau Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03-3342 9999 samb. 434, email zuhri@pharmaniaga.com.